



---

## **PENYALAHGUNAAN BAHAN DI KALANGAN REMAJA: SATU KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH SARAWAK**

**Hong Kian Sam<sup>1</sup>, George Tan Geok Shim<sup>2</sup>, Gan Siew Ling<sup>3</sup>, Peter Songan<sup>4</sup>, Abang Ekhsan Abang Othman<sup>5</sup>, Hasbee Hj. Usop<sup>6</sup>, Mohd Razali Othman<sup>7</sup>, Abang Ahmad Ridzuan<sup>8</sup>, Hatta Arabi<sup>9</sup> & Shahren Ahmad Zaidi Adruce<sup>10</sup>**

### **ABSTRAK**

Menurut *United Nation Office on Drugs and Crime* (2007), penglibatan remaja dalam penyalahgunaan bahan secara global, semakin meningkat. Artikel ini memaparkan dapatan penyelidikan yang bertujuan untuk mengkaji peranan gaya keibubapaan, identiti etnik, sosio-demografi keluarga/diri dan faktor sekolah dalam penyalahgunaan bahan di kalangan remaja tingkatan 1, 2, dan 4 di Sarawak. Kajian ini berbentuk survei keratan rentas yang melibatkan penggunaan soal selidik untuk mengumpul data yang dikehendaki. Sampel kajian terdiri daripada 6798 pelajar Tingkatan 1, 2 dan 4 dari 34 buah sekolah menengah di 11 bahagian di Sarawak. Pelajar melaporkan kadar penyalahgunaan arak dan rokok yang membimbangkan dengan satu perempat pelajar menyatakan segelintir kawan rapat mereka terlibat dalam aktiviti ini. Lazimnya, pelajar lelaki, pelajar Bumiputera dan pelajar sekolah luar bandar mempunyai persepsi bahawa lebih ramai rakan rapat mereka terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan bahan tersebut.

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>2</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>3</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>4</sup> Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Malaysia Sarawak

<sup>5</sup> Timbalan Dekan (Praxiswazah & Pemajuan Pelajar), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>6</sup> Timbalan Dekan (Pascasiswazah & Penyelidikan), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>7</sup> Pensyarah, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>8</sup> Pensyarah, Universiti Teknologi MARA Sarawak

<sup>9</sup> Penolong Pengarah, Unit Kaunseling & Anti Dadah, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak

<sup>10</sup> Dekan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak



---

## ABSTRACT

*According to United Nation Office on Drugs and Crime (2007), involvement of adolescents in substances abuse, globally, is increasing. This paper reports the findings of a study examining the role of parental involvement, ethnic identity, family/self socio-demographics, and school factors in substances abuse among form 1, 2 and 4 adolescents in Sarawak. This study was a cross sectional survey with the use of questionnaires to gather the required data. The samples of the study were 6798 form 1, 2 and 4 students from 34 secondary schools in the 11 divisions of Sarawak. Students reported that the rate of liquor and cigarette abuses were of concern with one quarter of the students reporting that some of their close friends were involved in these activities. Male students, Bumiputera students, and those from rural schools revealed that more of their close friends were involved in these undesirable activities.*

## PENGENALAN

Menurut *United Nation Office on Drugs and Crime* (2007), penglibatan remaja dalam penyalahgunaan bahan secara global, semakin meningkat. Kepopularan dadah rekreasi, gaya hidup yang bebas, pelbagai pengaruh luar serta kesenangan memperolehi bahan psikoaktif telah menyebabkan remaja kini lebih terjebak dan terlibat dalam penyalahgunaan bahan di negara-negara barat. Menurut Mahmood Nazar Mohamed et al. (2008), trend ini juga telah dipantau di Malaysia dan bilangan remaja yang menyalahgunakan bahan kian bertambah.

Di peringkat sekolah, AADK telah melaksanakan pelbagai program yang menarik dan inovatif seperti Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR), Program Sekolah Anak Didik Kami, dan Program Intervensi Pelajar (PIP). Strategi-strategi dan usaha-usaha ini sudah tentu akan menjadi lebih berkesan jika dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai faktor yang mempengaruhi remaja dalam penyalahgunaan bahan. Jika faktor risiko dikurangkan dan faktor penjagaan diambil kira, kemungkinan remaja untuk menyalahgunakan bahan akan dikurangkan (Whatcom County, 2000).